

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 3/1994

PENILAIAN SEMULA SYARAT PERLANTIKAN PAKAR

1. Tujuan

1. 1. Pekeliling ini bertujuan menetapkan tempoh pengalaman minima yang diperlukan bagi sesuatu disiplin sebagai syarat sebelum menjalani tempoh percubaan pra-penwartaan untuk lantikan sebagai pakar.

2. Latarbelakang:

2. 1. Pada masa ini, pelaksanaan penwartaan pakar-pakar perubatan adalah inen_@t kehendak Perintah Am Bab F 27. Dengan perubahan van telah dicadangkan keatas Perintah Am tersebut, maka penwartaan Pakar Perubatan tidak akan di laksanakan melalui perintah ini. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan. Daftar Pakar bagi tujuan tersebut.

2.2. Pelaksanaan Daftar Pakar akan diuruskan oleh Jawatankuasa Khas Perubatan seperti yang sedia ada. Walaupun demikian, syarat-syarat perlantikan perlu diteliti semula.

2.3. Pada masa ini, pegawai-pegawai perubatan yang mempunyai ijazah kepakaran akan dilantik sebagai pakar apabila genap tempoh percubaan enam bulan pra-penwartaan dan didapati pegawai berkenaan dapat menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai pakar dengan memuaskan.

2.4. Isu perbezaan latihan untuk berbagai ijazah lanjutan perubatan tidak diambil kira. Peraturan ini pada amnya membolehkan pegawai-pegawai yang mengikuti kursus kepakaran yang kurang -berstruktur dflantik sebagai pakar lebeh awal daripada mereka yang menjalani kursus yang berstruktur seperti kursus ijazah lanjutan di universiti-universiti tempatan.

2.5. Dengan pekeliling ini, isu perbezaan latihan untuk berbagai ijazah lanjutan perubatan dinilai menggunakan ijazah lanjutan tempatan sebagai asas pertimbangan yang akan dikaitkan dengan piawaiian dari segi kesesuaian latihan, tempoh pengalaman dan pengkhususan ijazah berkenaan.

2.6. Untuk memperbaiki keadaan ini Pakar-Pakar Kanan Kementerian telah menilai semula kursus-kursus kepakaran yang diiktiraf dan menetapkan bahawa pegawai yang hendak menjalani tempoh percubaan pra-penwartaan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman (di bawah pengawasan) dalam disiplin berkenaan.

3. Tindakan

3.1. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen Review of Gazetting Requirement yang menjelaskan syarat-syarat baru untuk penwartaan sebagai pakar.

3.2. Sila tuan edarkan dokumen ini kepada semua pegawai untuk perhatian mereka bahawa, calon-calon yang telah lulus ijazah lanjutan kepakaran selepas 1 hb Januari 1994 dikehendaki mengikuti peraturan berikut:

3.2.1. Calon-calon Musan MRCPIMCOG/FRCS atau yang setaraf dikehendaki menyempumakan satu tahun latihan tambahan selepas kelulusan (post qualification) sebelum menjalani percubaan prapenwartaan yang tempohnya tidak kurang dari 6 bulan.

3.2.2. Pengalaman latihan di luar negeri boleh dipertimbangkan dengan syarat calon-calon dapat membuktikan denan dokumen-dokumen yang sah tentang aspek-aspek latihan, termasuk maklumat terperinci mengenai jawatan yang disandang, tugas dan tanggungjawab, tempat bertugas dan tempoh latihan tersebut.

3.2.3. Calon-calon sadaiia seperti M.Med, M.S. daripada universiti-universiti tempatan atau Ijazah seperti FRACP/ FRACS /FRCS Ed.(Ortho) atau ijazah lain yang setaraf dengannya boleh terus menjalani tempoh percubaan pra- penwartaan selama tidak kurang dari 6 bulan.

3.3. Borang A hendaklah diisi. dan dikemukakan sebagai tambahan bagi semua permohonan untuk penwartaan.

3.4. Senarai kelulusan di Lampiran 1 tidak akan lagi diiktiraf

3.5. Pihak tuan diminta memastikan semua Ketua Jabatan mengemukakan permohonan pegawai di Jabatan masing-masing sebaik sahaja pegawai berkenaan tamat tempoh percubaan pra-penwartaan.

4. Pertanyaan

Semua pertanyaan mengenai pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
Kuala Lumpur
(UP: Dato' Dr. Haji Ahmad Tajudin Jaafar)
Pengarah Amalan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.